

Paradoks kenaikan harga

SH

■ ASRI SALLEH

REAKSI kebanyakan negara terhadap kenaikan harga minyak lebih terarah kepada cara bagaimana untuk menghadapinya, bukan cara menghapuskannya. Dalam erti kata lain, reaksi dunia adalah tertumpu kepada cara untuk "mengubati" simptom penyakit kenaikan harga minyak dan bukannya cara untuk menghapuskan virus atau kuman bakteria penyebabnya. Tidak pasti sama ada harga minyak akan turun. Selagi tiada langkah 'affirmative' diambil untuk menghapuskan ketidaktentuan harga minyak yang dihadapi oleh generasi dunia sekarang ini, selagi itulah ia juga pasti akan dihadapi juga oleh generasi akan datang.

Nyata, situasi ini bagaikan tidak berpenghujung. Warga dunia akan terus bergelut menangani kesan rantaian kenaikan harga minyak seperti kenaikan kadar inflasi berterusan dan pengangguran. Selain itu, lebih ramai mereka di luar sana yang menjadi miskin dan sedikit yang menjadi kaya sekali gus menyebabkan jurang ekonomi terus meluas.

Langkah kebanyakan kerajaan seluruh dunia yang menggalakkan rakyatnya supaya berjimat cermat menangani kesan kenaikan harga minyak, tidak semestinya mencerminkan satu tindakan yang tepat. Asasnya, langkah mengurangkan perbelanjaan akan mengecutkan kitaran wang dalam pasaran. Kekurangan kegiatan pembelian akan merencatkan kegiatan ekonomi.

Pengurangan kegiatan ekonomi akan membawa kepada pengurangan pelaburan dan pengecilan saiz hasil dan pendapatan sesebuah negara. Ini bukan bermakna polisi penggalakan berjimat cermat itu mesti ditentang, tetapi walau apa cara sekalipun, perbelanjaan mesti digalakkan. Jika tidak, ekonomi bakal menguncup, pendapatan rakyat akan berkurangan,

banyak hutang tidak dapat dijelaskan dan banyak perniagaan akan tutup.

Spekulator dan pembekal minyak

Umumnya, ada empat golongan yang mahu situasi kenaikan harga minyak ini kekal berterusan iaitu pembekal, penjual, orang tengah dan spekulator. Ini adalah kerana keuntungan hasil perdagangan minyak mereka berlipat kali ganda dalam tempoh yang singkat.

Keadaan sekarang memberikan golongan ini kelebihan yang nyata dan bukan tiruan. Keuntungan mereka adalah konkrit dan berterusan. Satu situasi yang nyata dan pasti seperti inilah yang hendak dikekalkan golongan ini.

Lalu, apa pula yang harus dilakukan? Pendapat Encik Idris Jala dalam satu pertemuan industri penerbangan baru-baru ini wajar diberi perhatian. Beliau percaya bahawa kenaikan berterusan harga minyak adalah disebabkan kegiatan dagangan hadapan yang didalangi spekulator dan harga minyak sepatutnya berada pada USD 40 setong. Harus diberi perhatian adalah pendapat sesetengah negara ahli pengeluar minyak (OPEC) dan penganalisis pasaran bahawa pengeluaran minyak berada pada tahap maksimum, bekalan minyak adalah mencukupi dan tiada kekurangan dalam kitaran kepenggunaan minyak.

Mungkin dengan melihat ke belakang dapat membantu menghasilkan idea yang baik untuk menghadapi krisis ekonomi ketika ini. Krisis kewangan Asia 1997 dan krisis kenaikan harga minyak kebelakangan ini langsung tidak mempunyai persamaan, tetapi antara sebab musabab terjadinya krisis-krisis ini adalah hampir serupa.

Kedua-duanya disebabkan oleh spekulator. Kedua-duanya menyebabkan masalah politik, ekonomi dan sosial yang teruk. Perbezaannya sekarang ialah skop tindakan yang boleh di ambil oleh

negara-negara yang terjejas - secara relatifnya - adalah terbatas. Contohnya, dalam menangani krisis ekonomi 1997, Malaysia boleh mengikat nilai ringgitnya kerana kita sememangnya berhak berbuat demikian. Namun, dalam menangani krisis harga minyak sekarang, siapakah yang layak, berhak dan mampu untuk mengikat harga komoditi ini?

Krisis ekonomi Asia 1997, antara lain, menyerlahkan perbezaan ketara antara masalah kecairan dan kebangkrutan. Malaysia, antara negara yang terjejas teruk, tahu ia bukan sebuah negara yang bankrap. Justeru, tindakan pemulihannya adalah berlandaskan kepada penumpuan usaha untuk mengatasi masalah kecairan dan terbukti tepat.

Dunia akur, di kala tindakan Malaysia itu dicop sebagai songsang, akhirnya ia dapat membawa Malaysia keluar daripada krisis ekonomi tersebut. Dalam situasi sekarang, kenaikan harga minyak tidak semestinya akan menjadikan ekonomi menjadi bankrap dan membawa kepada pembekuan aset dan sumber. Ia juga tidak semestinya menjadi punca utama kepada masalah kecairan yang merencatkan penjana sesebuah ekonomi. Justeru, analisa mendalam dan tepat tentang teras punca masalah krisis ekonomi sekarang dan langkah penyelesaiannya adalah sangat perlu.

Kenaikan artifisial harga minyak

Hakikatnya, kenaikan harga minyak adalah bersifat artifisial atau tiruan kerana ia tidak mencerminkan apa yang dikatakan oleh negara OPEC. Justeru, tindakan susulan kebanyakan negara dunia yang terjejas kerana kenaikan harga minyak dan kesan rantaianya juga satu jenis tindakan tiruan atau artifisial.

Reaksi tiruan inilah yang menghasilkan tindakan panik negara-negara seluruh dunia untuk mendapatkan bekalan minyak yang pada dasarnya didagangkan seperti konsep lelongan di mana pembida

ga minyak

30/6/08 N14

tertinggi akan mendapat bekalan pada kuantiti yang dimahukan.

Harga yang dibayar oleh pembida tertinggi ini, pada hakikatnya, juga adalah harga tiruan. Logiknya, segala kemelut politik dan ekonomi yang dihadapi oleh masyarakat dunia sejagat juga sebenarnya adalah masalah tiruan. Masyarakat dunia sedang berhadapan dengan satu situasi palsu yang sengaja direka cipta. Inilah yang menjurus kepada apa yang dipanggil paranoid - satu bentuk ketakutan keterlaluan terhadap sesuatu yang palsu atau tidak wujud. Paranoid kekurangan bekalan minyak inilah yang menyebabkan manusia menderita.

Menjamin kestabilan harga dan bekalan minyak

Pertelagahan kepentingan pembekal, pembeli dan pengguna minyak menterjemahkan satu paradoks yang sukar dan rumit. Namun, hanya kerana ianya sulit, tidak bermakna bahawa jalan penyelesaiannya adalah mustahil. Satu titik pertemuan yang membawa kepada penyelesaian 'menang-menang,' tidak dapat tidak, mesti diusahakan. Namun, dalam usaha untuk mencari titik tersebut, dunia mesti dibantu untuk memahami mengapa ia mesti dilakukan.

Sekiranya dagangan hadapan minyak dapat dihapuskan, bukan sahaja harga komoditi ini dapat dikawal dan ditetapkan pada tahap yang munasabah, ia juga pasti akan membawa kepada kestabilan ekonomi dan politik negara-negara di seluruh dunia. Ini akan memanjangkan tempoh kelangsungan pengeluaran, penghasilan dan bekalan minyak. Cukup sehingga sumber tenaga alternatif dapat dihasilkan dan digunakan secara meluas di seluruh dunia. Hasilnya, kebergantungan dunia kepada minyak dapat dikurangkan.

Jika situasi sekarang dibiarkan berterusan, dunia pasti tidak akan bersedia untuk menghadapi segala

kemungkinan yang sangat buruk. Kemelesetan ekonomi dan perang adalah kebarangkalian yang tidak mustahil. Perang, walau seburuk mana punca dan kesannya, jika sejarah menjadi ukuran, adalah salah satu cara negara-negara tertentu untuk menghapuskan kekangan ekonomi, sumber tenaga dan yang paling ironinya, untuk menghapuskan hutang. Perang akan menghapuskan segala struktur ekonomi yang ada dan seterusnya membantu melahirkan satu struktur ekonomi yang baru dan segar.

Dunia jangan mudah lupa kerana krisis tenaga adalah antara sebab utama meletusnya Perang Dunia Kedua. Ini harus menjadi amaran kepada golongan pembekal dan penjual minyak yang tamak haloba.

Apa pun, kerajaan seluruh dunia mesti bertindak dengan sebaiknya-baiknya dalam menangani krisis harga minyak yang melanda dunia sekarang ini. Mungkin tiada siapa yang percaya bahawa dagangan hadapan minyak boleh dihapuskan atau setidaknya dikawal. Apa pun, apa yang berkesan dalam sesuatu situasi tidak semestinya mesti dianggap rasional, begitu juga sebaliknya. Paling mustahak ialah kesejahteraan rakyat mesti seiring dengan kesejahteraan ekonomi negara.

Ekonomi sesebuah negara adalah unik jika dibandingkan dengan sesebuah negara lain. Begitu juga cara bagaimana sesebuah negara itu menghadapi krisis ekonomi seperti sekarang ini. Sering kali terjadi, kerana mempunyai pelbagai jenis demam, ubat untuk sakit demam seseorang itu tidak dapat membantu menyembuhkan sakit demam seseorang yang lain. Yang penting, diagnosis dan preskripsi seseorang doktor itu mesti tepat supaya seseorang yang dijangkiti demam denggi tidak didiagnosis dan diubati dengan ubat untuk sakit demam biasa seperti aspirin.

Sungguh malang sekali jika apa yang sepatutnya menjadi jalan keluar tiba-tiba bertukar menjadi jalan mati.